



SIARAN MEDIA BERSAMA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN MENARA KUALA LUMPUR

MENARA KUALA LUMPUR DISINARI CAHAYA BIRU TANDA SOKONGAN TERHADAP SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

Menara Kuala Lumpur akan disinari cahaya lampu berwarna biru pada 18 dan 19 Julai 2025 sebagai tanda sokongan kepada Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “simbolik cahaya berwarna biru di Menara Kuala Lumpur menandakan semangat perpaduan dan keharmonian antara kaum di Malaysia. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) berterima kasih atas sokongan yang ditunjukkan oleh Menara Kuala Lumpur sebagai rakan strategik KPN dalam mempromosikan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan tahun ini”, tambah beliau.

Sementara itu, Tuan Khairil Faizal Othman, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) LSH Service Master Sdn.Bhd selaku pengendali Menara Kuala Lumpur berkata, kami menyokong usaha yang ditunjukkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dalam menyebarluas kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Dengan menerangi mercu tanda Kuala Lumpur, kami dapat menyampaikan mesej kepada rakyat Malaysia bahawa perpaduan adalah tanggungjawab bersama.

Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Kebangsaan merupakan acara tahunan Kementerian Perpaduan Negara bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan dan memperkukuh pemahaman

serta penghayatan terhadap kepelbagaian budaya dalam kalangan rakyat Malaysia. Sambutan pada tahun ini akan diadakan di Pekarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang pada 17 hingga 20 Julai 2025.

**Kementerian Perpaduan Negara dan
Menara Kuala Lumpur**

10 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (47)